

Alam bukan tong sampah cuci dosa

BERITA HARIAN 14/03/2019
MIS 10

Dari Kaca Mata

Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman

Pensyarah Kanan Jabatan Kesihatan Persekitaran & Pekerjaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM



Selepas isu bauksit di FELDA Bukit Goh di Kuantan menggemparkan negara, berita pencemaran sisa toksik di Sungai Kim-Kim di Pasir Gudang pula hangat diperbualkan. Ia turut mengundang kemurkaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, yang turut menggesa supaya pelaku ditangkap dan dihukum segera.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mengaktifkan jawatankuasa kerja bagi menyelaras dan memantau isu berkenaan. Semua ini membuktikan betapa ia mendapat perhatian mendalam masyarakat.

Mengapa semua ini berlaku lagi dan siapa patut dipersalahkan? Adakah undang-undang dan pemantauan sedia ada tidak berkesan? Apakah hukuman setimpal terhadap penjenayah alam sekitar ini?

Tidak cukupkah masyarakat mendapat natijah dan menanggung akibat daripada tindakan tidak berperikemanusiaan ini dan mengapa pelaku tergamak mence-mari alam sekitar semata-mata mengejar keuntungan? Tidak adakah sekelumit sifat keinsanan dalam diri pelaku sama ada terhadap masyarakat atau alam sekitar?

Semua persoalan ini berkisar kepada satu sahaja, iaitu aspek etika. Ke mana hilangnya etika kita ketika berinteraksi dengan ahli masyarakat atau alam sekitar?

Prinsip etika dalam berinteraksi. Etika bermaksud prinsip moral,

akhlak atau nilai yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan masyarakat. Ia bermaksud perkara perlu diamalkan seseorang atau sekumpulan masyarakat ketika berinteraksi, atau berhubung dengan pihak lain, sama ada manusia atau bukan manusia.

Manusia normal dan sihat jiwanya akan sentiasa mempertimbangan semua persoalan ini sebelum melakukan sesuatu perkara, kerana setiap tindakan ada kesan baik atau buruk.

Elemen perikemanusiaan semakin hilang

Merujuk isu di pencemaran toksik di Sungai Kim-Kim, tidak adakah perasaan belas kasihan atau ihsan terhadap mereka yang menerima kesan akibat tindakan tidak bertanggungjawab ini.

Ke mana hilangnya perikemanusiaan apabila pelajar di sekitar kawasan tercemar bukan sahaja menerima kesan dari segi kesihatan, malah dinafikan hak untuk meneruskan pendidikan apabila sekolah diarahkan tutup atas faktor keselamatan. Kesannya turut dirasai ibu bapa dan guru.

Bolehkah jiwa si pelaku memikirkkan semua ini. Bagi pelaku dalam kes ini, alam sekitar hanya layak dijadikan 'tong sampah' untuk mencuci dosa akibat perbuatan tidak bermoral dengan membuang segala hasil kerja kotor mereka di situ.

Lantaklah apa berlaku selanjutnya kerana ia bukan masalah mereka. Yang pasti bukan ahli keluarga dan sanak saudara mereka menerima akibatnya. Etika memberi penekanan kepada nilai, sifat dan sikap baik serta positif yang berakar umbi dan menjadi pegangan budaya kalangan nenek moyang.

Ia meliputi prinsip keadilan, sifat tidak merosakkan alam sekitar, budaya menghormati manusia lain

dan alam serta keutamaan membangun tanggungjawab moral. Semua ini hakikatnya sudah lama lenyap bersama arus kemodenan dikecapi.

Yang berlaku sudah pun berlaku. Terlajak perahu boleh diundur, terlajak perbuatan terimalah akibatnya.

Sejujurnya, tidakkah si pelaku mahu tampil mengakui kesalahan mereka, memohon maaf kepada ahli masyarakat atau cuba memperbaiki kerosakan dilakukan dan seterusnya menerima hukuman selayaknya di atas segala tindakan mereka.

Nilai, etika dalam diri

Ayuh, berfikir dan bertindaklah secara waras. Janganlah selamanya terbelenggu sifat materialistik berteraskan keuntungan jangka pendek, kerana semua makhluk ciptaan Allah mempunyai hak tersendiri dan ia wajib dihormati.

Setiap ahli masyarakat perlu sentiasa sedar tujuan mereka diciptakan untuk memberi manfaat kepada umat manusia serta alam sekitar, bukan sebaliknya.

Akhirnya, manusia perlu sentiasa meletakkan akal di hadapan berbanding nafsu dalam segala tindak tanduk supaya isu yang berlaku di Sungai Kim-Kim tidak kembali berulang.

Kesedaran dan tanggungjawab akan muncul dengan sendirinya apabila nilai dan etika wujud dalam diri.

Justeru, elemen agama dan pendidikan formal mahupun tidak formal adalah platform paling berkesan membentuk serta memperkukuh etika diri. Penerapannya dalam segenap aspek kehidupan ahli masyarakat penting bagi memastikan kesejahteraan manusia dan alam sekitar kekal terpelihara.

→ ALAM SEKITAR

Pengewapan haba, angin kencang, hujan faktor merebak

Pasir Gudang: Faktor pengewapan haba, angin kencang dan hujan menyebabkan pencemaran sisa kimia berbahaya secara haram di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang menjangkau ke kawasan mencecah 15 kilometer (km) dari sungai berkenaan.

Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian, berkata banciaan kawasan perumahan berhampiran Sungai Kim Kim mendapati ia kurang terjejas berikutan lebih tertutup berbanding sekolah yang lebih terbuka.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Johor berkata, perkembangan kes itu dipantau secara serius.

"Kita membuat banciaan di kawasan terjejas dari semasa ke semasa dan jika perlu, arahan menutup baki lapar sekolah yang dibuka akan dikeluarkan.

Ambil langkah proaktif

"Bagaimanapun, keadaan dilihat terkawal dengan semua langkah proaktif sudah diambil dan tiada keperluan bagi kerajaan negeri mengisytihar darurat selepas mesyuarat semua agensi serta pakar berkaitan hari ini (semalam).

"Jawatankuasa Pengurusan Bencana Johor akan mewujudkan Jawatankuasa Petaugas Khas bagi memberi kuasa penuh menyasat lebih terperinci termasuk dari segi forensik kes pencemaran sisa kimia ber-

LOKASI SEKOLAH YANG TERBABIT DENGAN PENCEMARAN BAHAN KIMIA DI PASIR GUDANG, JOHOR



PENCEMARAN DI PASIR GUDANG

Pencemaran merebak liputi kawasan seluas 15km

bahaya ini," katanya. Beliau berkata demikian selepas memengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Johor di Majlis Perbincangan Pasir Gudang (MPPG) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Kontraktor tambahan aksana pembersihan

Osman berkata, jawatankuasa turut meantik dua kontraktor tambahan bagi membantu kontraktor sedia ada melakukan kerja pembersihan Sungai Kim Kim dengan di-pantau Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Kita sasarkan kerja pembersihan Sungai Kim Kim dapat diselesaikan dalam tempoh seminggu kerana perlu cepat dilakukan bagi mengelak kesan pencemaran berterusan," katanya.

Sementara itu, Dr Dzulkefly mengesahkan tiada kematian dilaporkan dalam kes berkenaan.

"Setakat ini, seramai 506 individu dirawat akibat pencemaran sisa bahan kimia berbahaya dengan 166 ditahan di wad manakala sembilan dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultan Ismail (HSI).

Mengulas perkara berkaitan, Bee Yin berkata, bantuan peralatan mengesan sisa kimia daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PETRONAS akan dihantar ke lokasi terjejas bagi membuat bacaan secara terus tahap pencemaran di Pasir Gudang.

"Kita juga menghantar alatan pengesan angin daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) ke lokasi pencemaran," katanya.

500 pelajar, penduduk terima rawatan termasuk 9 dilapor kritikal

**Oleh Junita Mat Rasid,
Anwar Patho Rohman,
Ifwan Tun Tuah, Farid Noh
dan Badrul Kamal Zakaria
bhnews@bh.com.my**

► Pasir Gudang

Pencemaran bahan kimia beracun yang dikesan berlaku di Sungai Kim Kim di sini sejak Khamis lalu, kini semakin merebak hingga menjejaskan kehidupan penduduk yang berada pada radius 15 kilometer daripada lokasi punca bencana.

Setakat malam tadi, seramai 500 pelajar dan penduduk sudah dan sedang dalam rawatan di hospital, termasuk sembilan yang berada dalam kritikal.

Kejadian itu, menyebabkan Kementerian Pendidikan mengarahkan penutupan 43 sekolah di sekitar daerah Pasir Gudang serta merta-kerana pencemaran bahan kimia yang berlaku mencetuskan situasi bahaya kepada kanak-kanak.

Selain itu, pengurusan kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pasir Gudang turut mengarahkan semua pelajar ber-cuti selama dua minggu.

Menteri Besar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Datuk Osman Sapian turut mengadakan mesyuarat tergempar Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Johor, petang semalam, yang turut disertai Jabatan Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan polis.

8 sebatian kimia dibuang

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim mendedahkan, penemuan lapan sebatian kimia berbahaya dikesan dibuang ke dalam Sungai Kim Kim hingga mencetuskan tindak balas terhadap udara dan air.

Bahan kimia berbahaya yang dikesan setakat ini yang dibuang ke sungai itu ialah metana, hidrogen klorida, acrylonitrile, acrolein, benzene, toluene, xylene dan limonene.

Pakar kimia mendedahkan, dedahan kepada acrylonitrile secara hiduan, termakan atau resapan melalui kulit, akan bertukar menjadi racun dalam badan.

Acrolein yang banyak digunakan dalam racun rumpai, boleh merosak saluran paru-paru

terutama individu yang mempunyai alahan seperti asma, manakala pendedahan kepada tahap metana tinggi akan menyebabkan badan mengalami kekurangan oksigen.

Gas hidrogen klorida dan asid hidroklorik yang digunakan dalam teknologi dan industri boleh menyebabkan mangsa mengalami keradangan, sakit dan ulser dalam perut.

Dos benzene yang tinggi boleh merosakkan sistem saraf, sistem hematopoietic dan imun serta boleh menyebabkan leukemia, manakala xylene yang banyak digunakan dalam industri cat, boleh menyebabkan kerosakan hati dan ginjal, kegagalan sistem pernafasan sehingga boleh menyebabkan kematian.

Bencana yang berlaku mencetuskan rasa panik dalam kalangan penduduk setempat yang mendakwa kekurangan maklumat sahih berhubung tahap pencemaran yang dialami, di samping banyak khabar angin disebarkan menerusi media sosial. Malah ada dalam kalangan penduduk dilaporkan berpindah sementara dari sini.

Pertubuhan bukan kerajaan, Sahabat Alam Malaysia (SAM) mendakwa bencana itu mendedahkan kelemahan penyelarasan dan tindakan antara agensi serta jabatan yang terlibat dalam mengurus aspek

keselamatan negara.

SAM mendakwa, tiada langkah konkrit diambil kerajaan seperti kuarantin bagi mengurangkan risiko lebih ramai orang awam daripada menjadi mangsa terdedah kepada bahan kimia berbahaya, walaupun kejadian itu dikesan sejak seminggu lalu.

JAS gerak pelbagai aset

Malah, sistem penyampaian maklumat awam di antara agensi kerajaan juga lemah seolah-olah tiada pegawai atau pakar yang berpengalaman bagi memberi pandangan bagaimana untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, berkata JAS sudah menggerakkan asetnya dari seluruh negara, termasuk alat pengesan gas serta 100 pegawai ke kawasan terjejas sejak Ahad lalu.

Katanya, lebih banyak aset akan tiba di kawasan terjejas pencemaran bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin.

"Hujan menyebabkan sisa kimia dalam sungai, mendap ke tanah sebelum pengewapan gas berlaku ke udara, yang dikesan antara faktor menyebabkan kawasan lebih jauh dari lokasi pencemaran turut terjejas," katanya.

→ ALAM SEKITAR

PENCEMARAN DI PASIR GUDANG

111 sekolah diarah tutup serta-merta

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan mengarahkan semua 111 sekolah di daerah Pasir Gudang ditutup berkuat kuasa serta-merta mulai semalam hingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata keputusan itu dibuat berdasarkan situasi semasa dan laporan Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri susulan pencemaran sisa bahan kimia berbahaya di Sungai Kim Kim di daerah itu pada Khamis lalu.

“Sehubungan itu semua murid,

kakitangan dan pekerja di semua sekolah berkenaan tidak perlu hadir ke sekolah masing-masing sehingga situasi kembali pulih.

Ambil langkah berjaga-jaga

“Kementerian memohon semua pihak mengambil langkah berjaga-jaga dan sentiasa peka arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa,” katanya dalam satu kenyataan malam tadi.

Setakat ini, seramai 506 individu dirawat akibat pencemaran sisa bahan kimia berbahaya dengan

166 ditahan di wad manakala sembilan dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultan Ismail (HSI).

Bagaimanapun, Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian mengesahkan keadaan di Pasir Gudang masih terkawal dengan semua langkah proaktif diambil dan tiada keperluan bagi kerajaan negeri mengisytiharkan darurat susulan kes itu.

Beliau yang juga pengerusi jawatankuasa itu berkata, pencemaran sisa kimia berbahaya di Sungai Kim Kim menjangkau ke

kawasan seluas 15 kilometer dari sungai berkenaan akibat penguapan haba, angin kencang dan hujan.

Jawatankuasa itu turut melantik dua kontraktor tambahan bagi membantu kontraktor sedia ada melakukan kerja pembersihan Sungai Kim Kim dengan dipantau Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Kerja pembersihan Sungai Kim Kim dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh seminggu bagi mengelak kesan pencemaran berterusan.

Kronologi pencemaran sisa bahan kimia di Pasir Gudang→ **Khamis (9.30 pagi):**

Pentadbiran Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih mengesan udara berbau bahan kimia dan memaklumkan kepada bomba dan Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Gudang.

→ **10 pagi:** Pelajar yang mengalami gejala pening kepala, muntah dan mual. Lapan ambulans dikejarkan ke dua sekolah berkenaan untuk membantu 24 pelajar dan masing-masing seorang guru dan pekerja kantin yang pengsan.

→ **Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (Hazmat)** dan bomba mengarahkan pengosongan premis dan kedua-dua sekolah itu ditutup. 35 orang dirawat di hospital, tiga daripadanya di Unit Rawatan Rapi.

→ **Jumaat:** Jumlah mangsa yang dirawat 39 orang.

→ **Sabtu:** Jumlah mangsa yang mendapatkan rawatan terus meningkat kepada 79 orang.

→ **Ahad:** Guru SMK Pasir Putih dan SK Pasir Putih membersihkan sekolah



Tiada langkah kukuh diambil kerajaan, seperti kuarantin untuk mengurangkan risiko lebih ramai orang awam menjadi mangsa selepas terdedah kepada bahan kimia berbahaya”

Meor Razak Meor Abdul Rahman,
Pegawai Lapangan Sahabat Alam Malaysia



Kami difahamkan angin membawa gas ke kawasan perumahan kami. Tapi kami tertanya-tanya kerana tiada sambungan sungai itu ke kawasan perumahan kami”

Rohaizad Abdul Wahab,
Ahli Kawasan Rukun Tetangga Taman Sierra Perdana

Penyelarasan, tindakan lemah

→ Kerajaan, agensi keselamatan perlu pantas buat keputusan

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Ifwan Tun Tuah
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bencana pencemaran bahan kimia di Pasir Gudang yang masuk hari ketujuh semalam, mendedahkan kelemahan penyelarasan dan tindakan agensi yang terbabit dalam mengurus keselamatan negara.

Pegawai Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman, berkata tiada langkah kukuh diambil kerajaan, seperti kuarantin untuk mengurangkan risiko lebih ramai orang awam menjadi mangsa selepas terdedah kepada bahan kimia berbahaya.

Katanya, agensi kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan

bomba atau polis seharusnya lebih pantas membuat keputusan, bagi mengelak bencana merebak dan membahayakan nyawa orang ramai.

Katanya, sistem penyampaian maklumat awam di antara agensi kerajaan juga lemah, seolah-olah tiada pegawai atau pakar yang berpengalaman bagi memberi pandangan menyelesaikan masalah berkenaan.

"Kami lihat berlaku kelemahan dalam sistem penyampaian dan penyelarasan, seolah-olah kerajaan keliru untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Tadbir urus tak cekap

"Mungkin dari segi tadbir urus masih tidak cekap atau pegawai yang ada kurang berpengalaman, untuk memberi cadangan apabila musibah seperti ini berlaku.

"Bencana ini menyentuh soal keselamatan negara, nyawa rakyat. Adakah MKN tidak memberi penjelasan kepada kementerian yang bertanggungjawab mengenai tindakan perlu diambil apabila berlaku kes seperti ini," katanya kepada BH.

Sementara itu, Felo Penyelidik Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata

tindakan tegas perlu dikenakan terhadap individu yang menjadi punca bencana itu.

"Mereka yang terbabit bukan sahaja perlu dikenakan tindakan mengikut konteks undang-undang alam sekitar, tetapi didakwa mengikut akta yang berkaitan aspek keselamatan awam.

"Bencana itu membabitkan secara langsung keselamatan awam, termasuk pelajar sekolah," katanya.

Sementara itu di Pasir Gudang, selepas tujuh hari pencemaran berlaku, penduduk mula ragu-ragu dengan punca keracunan udara yang semakin merebak.

Penduduk mendakwa, dengan pertambahan mangsa setiap hari dan radius kawasan yang terjejas semakin luas, pihak berkuasa perlu lebih proaktif menyampaikan maklumat tepat.

Ahli Kawasan Rukun Tetangga Taman Sierra Perdana, Rohaizad Abdul Wahab, berkata penduduk terkejut apabila dua sekolah di kawasan itu terjejas semalam, kerana kedudukannya jauh dari punca pencemaran awal, iaitu di Sungai Kim Kim.

"Kami difahamkan angin membawa gas ke kawasan perumahan kami. Tapi kami tertanya-tanya kerana tiada sambungan sungai itu ke kawasan perumahan kami.

"Kami juga kurang yakin gas dibawa oleh angin kerana jarak antara lokasi itu lebih 10 kilometer (km) ke perumahan kami," katanya.

Rakannya, Shahril Disun, 39, berkata dia terkejut apabila dihubungi guru Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Rinting, memaklumkan anak perempuannya yang berusia lapan tahun muntah dan muntah semalam.

"Kami mahu tahu apa sebenarnya gas yang meracuni udara di sini dan kami mahu pihak berkuasa berterus terang dan menyediakan saluran, untuk kami mendapatkan maklumat segera yang tepat.

"Pihak berkuasa tidak boleh menyembunyikan fakta dan jika perlu keluarkan arahan supaya kami berpindah sementara kerana ini berkaitan keselamatan," katanya.

Penduduk Taman Dahlia, Saleha Azman, 38, berkata SK Taman Bukit Dahlia yang terletak tujuh km dari lokasi pencemaran, turut terjejas apabila ramai murid mendapatkan rawatan selepas mengalami sesak nafas dan muntah semalam.

"Saya tidak menyangka sekolah ini yang terletak jauh dari kawasan tercemar boleh terjejas. Kami benar-benar ingin tahu apa sebenarnya yang berlaku," katanya.

susulan kajian pencemaran udara dipercayai akibat pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim.

→ **Jumlah** mangsa meningkat kepada 82 orang.

→ **Isnin**: Tiga lelaki termasuk dua pemilik kilang ditahan kerana disyaki membuang sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim.

→ **7 pagi**: Sekolah dibuka.

→ **11.30 pagi**: Gelombang kedua pencemaran berlaku murid SMK Pasir Putih dan SK Pasir Putih pening kepala. Sekolah dikosongkan.

→ **11 malam**: Seramai 29 orang dihantar ke Klinik Kesihatan, 77 lagi dirujuk ke Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru.

→ **Jumlah** mangsa yang mendapat rawatan ialah 260 orang.

→ **Selasa**: Dua lagi sekolah ditutup, iaitu SK Tanjung Puteri Resort dan SMK Tanjung Puteri berikutan 50 pelajar terkesan selepas terhidu bahan kimia.

→ **Rabu**: Sebanyak 34 sekolah di Pasir Gudang diarah tutup.

Ambil keputusan SPM di PPD

Calon Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang sekolah masing-masing ditutup berikutan pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim boleh mengambil keputusan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pasir Gudang selepas jam 10 pagi ini.

→ ALAM SEKITAR

[FOTO BERNAMEA]

PENCEMARAN DI PASIR GUDANG

[FOTO ZAIN AHMED/BH]



[FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN /BH]



- 1 Ahli keluarga murid membawa pulang anak mereka selepas mengalami tanda sesak nafas, loya dan muntah di Sekolah Kebangsaan Taman Rinting 2, Masai, Pasir Gudang, semalam.
- 2 Pelajar dikendong untuk mendapatkan rawatan awal di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, semalam.
- 3 Antara mangsa yang mendapatkan rawatan kecemasan di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih.

